

24/03/2002

Siva wajar mohon maaf kepada kementerian: TPM

BENTONG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, wajar memohon maaf secara terbuka kepada Kementerian Pendidikan dan semua sekolah yang didakwa melakukan pengasingan pelajar mengikut kaum.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sekiranya laporan Jawatankuasa Bebas Siasatan Isu Pengasingan Pelajar Mengikut Kaum di Sekolah benar-benar sahih, Siva tidak patut terus menjadikan ia sebagai satu isu.

"Kalau dia telah dibuktikan bersalah, eloklah dia mengaku dan minta maaf. Tak payah jadikan isu dan kata ini (disebabkan) desakan dan sebagainya. Kita tahu bahawa laporan ini ialah laporan dibuat oleh jawatankuasa yang berwibawa.

"Biasanya ikut adat kita ialah bila kita dah didapati bersalah, jadi kata 'I am sorry'... itulah sebaik-baiknya," katanya.

Kelmarin, Kementerian Pendidikan mendedahkan laporan jawatankuasa itu yang merumuskan bahawa tidak terdapat sebarang tanda atau agenda tersembunyi untuk sengaja mengasingkan pelajar berdasarkan kaum walaupun dengan kewujudan beberapa program khas di sekolah.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Siva menegaskan pihaknya bersedia menemui Abdullah bagi menjelaskan beberapa isu berhubung pendidikan.

"Objektif pertemuan NUTP dengan Abdullah adalah untuk menjelaskan kepada beliau bahawa ada banyak masalah yang timbul dalam Kementerian Pendidikan," katanya.

Beliau berkata pertemuan akan diadakan pada masa terdekat ini dan NUTP akan membuat permohonan temu janji esok.

Siva berkata NUTP sememangnya menghormati apa-apa saranan dan gesaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya.

"Kami (NUTP) menganggap sebarang isu yang berkaitan dengan bidang pendidikan dan kementerian yang berkenaan sebagai serius," katanya.

Selain isu pengasingan pelajar, katanya beberapa isu lain seperti kelewatan rumah guru disiapkan, kelewatan pembinaan makmal komputer dan isu lain akan dikemukakan pada pertemuan itu.

Beliau yakin pertemuan itu dapat membantu meredakan ketegangan dalam institusi pendidikan dan memberi peluang kepada NUTP untuk menyatakan pendiriannya.

(END)